

ANALISA PERBANDINGAN MEKANISME/REMEDI BERKAITAN TINDAKAN LOMPAT PARTI AHLI PARLIMEN

MEKANISME/ REMEDI	KEBAIKAN	KEBURUKAN
<p style="text-align: center;">Pindaan Perlembagaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> a) Proses pelaksanaan dalam tempoh yang lebih singkat; b) Implikasi pelaksanaan untuk jangka masa panjang; c) Pemecatan adalah berdasarkan kepada peruntukan dalam perlembagaan; d) Hanya ikut prosedur pilihan raya sedia ada sekiranya kekosongan berlaku akibat pemecatan; e) Tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak/tiada isu <i>ultra-vires</i> (percanggahan). 	<ul style="list-style-type: none"> a) Akan mewujudkan konflik antara peruntukan dalam Perlembagaan kecuali perkara 10 PP juga dipinda; b) Memerlukan 2/3 sokongan majoriti ahli Dewan kerana melibatkan pindaan PP; c) Keperluan untuk mewujudkan satu prosedur kerja yang baharu sebagai panduan sekiranya berlaku pemecatan, cadangan dimasukkan dalam sebuah jadual kepada PP.
<p>Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli Parlimen (Recall Election Bil)</p>	<ul style="list-style-type: none"> a) Memberikan hak kepada rakyat untuk menilai prestasi ahli parlimen yang dipilih melalui proses pilihan raya; b) Sebagai <i>deterrence</i> bagi masalah lompat parti; c) Meningkatkan integriti ahli dewan dan keyakinan rakyat; d) Pelaksanaan RE mewujudkan elemen semak dan imbang (<i>check & balance</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> a) Akan melibatkan jumlah kos yang tinggi; b) Perlu mengenalpasti pihak-pihak yang perlu membuat keputusan untuk <i>Recall Election</i> dan melaksanakan keputusan pihak berkenaan; c) Membuat pakatan yang berniat jahat (<i>mala fide</i>) dengan mengemukakan petisyen atau referendum yang tidak benar bagi memecat ahli dewan yang tidak disukai bagi apa-apa tujuan sekalipun;

MEKANISME/ REMEDI	KEBAIKAN	KEBURUKAN
		<p>d) Pelaksanaan lain-lain pindaan kepada akta-akta yang berkaitan seperti Akta SPR;</p> <p>e) Proses pelaksanaan mengambil jangka masa yang panjang termasuk melibatkan penstrukturan fungsi SPR.</p>
Akta Spesifik	<p>a) Proses penggubalan akta mengambil masa singkat dan pelaksanaan akta boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang (<i>long-term effect</i>);</p> <p>b) Mengandungi segala prosedur dan proses kerja yang teribat dalam pemecatan dan pengisian kekosongan akibat pemecatan tersebut;</p> <p>c) Bersifat dinamik (boleh dipinda dan dimasukkan peruntukan yang baharu mengikut keperluan).</p>	<p>a) Melibatkan proses penggubalan akta yang kompleks dan menyeluruh;</p> <p>b) Pelaksanaan akta ini memerlukan pindaan kepada PP;</p> <p>c) Memerlukan sesi libat urus yang holistik bagi menentukan peruntukan-peruntukan yang perlu dimasukkan;</p> <p>d) Bersifat <i>party centric rather than public centric</i>; Sekiranya pemakaian akta ini tidak dikuatkuasakan dan diselaraskan di peringkat negeri, matlamat dan hasrat kerajaan untuk mencegah amalan lompat parti ini tidak berjaya.</p>